

Dakwaan kaum India tidak setia

MAICCI cabar Dr M kemuka bukti kaum India tak setia

Sifatkan cubaan cetus ketegangan kaum ketika SPRM ambil tindakan terhadap nama besar

Oleh Muhammad Yusri Muzamir dan Azhar Shahrulnizam
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Malaysia (MAICCI) kecewa dengan kenyataan Tun Dr Mahathir Mohamad yang mendakwa masyarakat India ma-

sih tidak setia sepenuhnya kepada Malaysia.

Presidennya, Datuk Seri N Gobalakrishnan, berkata kenyataan bekas Perdana Menteri yang pernah menerajui negara selama 22 tahun itu jelas bertujuan mencipta agenda supaya orang Melayu kurang senang dengan bukan Melayu.

Lantas, beliau percaya kenyataan itu cukup berisiko untuk mengucar-kacirkan keadaan, selain menyebabkan ketegangan kaum.

“Saya cabar dia (Dr Mahathir) untuk buktikan adakah kenyataan beliau (mengenai masyarakat India masih tidak setia) itu benar.

“Saya rasa mungkin apabila Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mula mengambil tindakan terhadap *big guns* (nama-nama besar), beliau

(Mahathir) timbulkan ketegangan kaum supaya dirinya ataupun keluarganya tidak akan diganggu... dia (Mahathir) ini (seorang yang) pandai,” katanya kepada media selepas Festival Ponggal MAICCI dan pelancaran Program Keusahawan Wanita (WES) di Rumah MAICCI, di sini semalam.

Yang turut hadir Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk R Ramanan serta juga Pengerusi WES, Hemala Sivam.

Baru-baru ini, sebuah portal berita melaporkan Mahathir dalam satu temu bual eksklusif secara dalam talian dengan saluran TV satelit di India, mendakwa masyarakat India Malaysia masih tidak setia sepenuhnya kepada negara ini kerana masih ‘terikat’ dengan negara asal mereka.

Kenyataan tak jejas sokongan

Sementara itu, Timbalan Pengerusi PN, Datuk Dr Dominic Lau Hoe Chai, PN tidak bersetuju dengan kenyataan Dr Mahathir itu.

Katanya, keputusan itu dibuat selepas perkara berkenaan dibangkitkan pada Mesyuarat Majlis Tertinggi PN, malam kelmarin.

Bagaimanapun, beliau berkata, kenyataan Dr Mahathir itu tidak menjejaskan sokongan rakyat kepada PN memandangkan beliau tidak menganggotai gabungan berkenaan.

Beliau juga menyifatkan kenyataan Dr Mahathir yang mempersoal tahap kesetiaan masyarakat India di negara ini mungkin dibuat susulan faktor usianya yang sudah lanjut, biarpun memiliki latar belakang sebagai ahli politik berpengalaman dan

“Kenyataan bekas Perdana Menteri yang pernah menerajui negara selama 22 tahun itu jelas bertujuan cipta agenda supaya orang Melayu kurang senang dengan bukan Melayu



N Gobalakrishnan,
Presiden MAICCI

bekas Perdana Menteri.

“GERAKAN ketika mesyuarat Majlis Tertinggi PN tegaskan kita tak boleh terima, tidak puas hati dan kecewa dengan kenyataan Tun M (Dr Mahathir) yang mempersoal kesetiaan masyarakat India. Negara ini terdiri daripada pelbagai kaum, agama dan budaya.

“Malah, banyak pemimpin PN pun ada persefahaman yang kenyataan Tun M tidak sesuai. Kemungkinan besar beliau mengeluarkan kenyataan sedemikian kerana usianya yang sudah tua,” katanya pada sidang media di sini, semalam.